

BAB 5

PENUTUP DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Secara amnya tujuan kajian ini dibuat oleh pengkaji, kerana kita dapati bahawa semakin ramai pelajar yang akan menamatkan persekolahan dan sebahagainnya akan memasuki ke alam pekerjaan. Oleh itu dengan adanya kajian seperti dapat memberi ruang untuk menyedarkan tentang pentingnya diberi pendedahan kepada pelajar tentang kerjaya yang ada sebelum mereka meninggalkan bangku sekolah. Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan pelajar ini masih perlu kepada bantuan pihak sekolah untuk membimbing dan memberi nasihat hal-hal yang berkaitan dengan kerjaya untuk membantu mereka membuat persediaan. Hasil penyelidikan yang telah dilakukan terdapat beberapa cadangan yang difikirkan sesuai untuk dijadikan garis panduan untuk golongan pendidik yang sering menjadi sasaran kepada pelajar sekolah jika timbul sebarang keperluan yang mereka tidak dapat bantuan daripada pihak lain. Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah kaedah survey. Kaedah ini adalah paling sesuai untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan oleh pengkaji. Pelajar-pelajar ini akan diberi set soalan soalselidik untuk mereka menjawab. Item-item yang dibina adalah yang mudah dan senang untuk difahami.

5.2 Perbincangan

Oleh itu terdapat beberapa dapatan hasil daripada analisis data yang telah dilaksanakan. Antaranya ialah pelajar-pelajar pada hari ini mempunyai pengetahuan yang luas mengenai dunia pekerjaan yang berada di pasaran pada hari ini. Ini adalah dilihat mereka dengan mudah sahaja dapat menyenaraikan pekerjaan yang mereka ketahui. Pemilihan kerjaya yang menjadi kebiasaan kepada pelajar adalah biasanya yang mereka sering temui dan mungkin mendapat liputan yang meluas tentang dunia pekerjaan yang ada pada hari ini. Antara kerjaya yang popular di kalangan pelajar ialah doktor, guru, jurutera, arkiteks, tentera dan usahawan. Hasil daripada pilihan yang dibuat didapati mereka yang mereka pilih adalah kerjaya yang ada disekeliling masyarakat mereka. Ini adalah kerana kawasan tempat tinggal pelajar khususnya di Jeli terdapat kem tentera, projek hidro Pergau dan ini menunjukkan mereka sedikit sebanyak juga dipengaruhi oleh kawasan persekitaran mereka.

Maklumat yang mereka perolehi adalah paling tinggi daripada akhbar, majalah dan risalah. Ini adalah mungkin kerana mereka perolehi daripada perpustakaan sekolah dan daripada risalah yang diedarkan melalui kelab kerjaya sekolah mereka. Pemberitahuan atau pendedahan tentang dunia kerjaya yang diberikan oleh guru/kaunselor juga dapat memberi bantuan untuk mendapat maklumat tentang kerjaya yang ada pada hari ini, seperti Kamus Pekerjaan yang diterbitkan oleh Jabatan Tenaga Rakyat dan

lain-lain kamus pekerjaan yang ada dipasaran sekarang boleh dijadikan rujukan.

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi minat kerjaya seseorang individu untuk melihat caorak pemilihan kerjaya seperti yang dijelaskan oleh Holland (1985), Super (1979) dan Nowak (1986) menyatakan bahawa kerjaya mestilah selaras dengan keinginan individu (Sidek Mohd.Noah, 1992:3). Dalam pemilihan kerjaya juga didapati sebab utama pelajar membuat pemilihan adalah disebabkan berminat dan berkebolehan, merupakan sebab utama yang diberikan oleh pelajar-pelajar. Hasil daripada dapatan ini seseorang pelajar memilih sesuatu pekerjaan seharusnya berdasarkan yang mereka ini mempunyai kebolehan dan minat dengan pekerjaan yang dipilih. Sebab tersebut penting supaya kerjaya yang bakal menjadi pilihan nanti dapat membantu mereka kembangkan potensi dan bakat ada dalam diri mereka dan menjadikan mereka serius dengan pekerjaan tersebut dan tidak menjadi tabiat suka yang menukar kerja. Ada juga di kalangan pelajar yang memberi sebab pekerjaan yang mereka pilih kerana gaji lumayan (50.7%). Ini adalah mungkin pada peringkat ini mereka fikir pekerjaan yang mereka pilih adalah semata-mata untuk mendapat wang untuk memenuhi keperluan mereka.

5.3 Cadangan-cadangan dan Kesimpulan

Hasil daripada dapatan yang diperolehi yang mendapati pelajar mempunyai pengetahuan daripada satu jenis kelompok sahaja, iaitu kelompok satu mengikut klasifikasi ILO. Peranan kaunselor adalah penting supaya lebih luas lagi daripada kelompok atau kumpulan pekerjaan yang lain. Jadi seharusnya kaunselor dan guru-guru memainkan peranan dengan lebih aktif supaya pelajar tidak tertumpu kepada pekerjaan yang tertentu sahaja, banyak lagi peluang pekerjaan yang mereka boleh ceburi. Untuk memudahkan guru bimbingan dan kaunselor untuk memberi pengetahuan mengenai pekerjaan dalam bidang yang lebih luas dengan membuat rujukan daripada Kamus Pekerjaan yang telah diterbitkan oleh Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Sumber Manusia yang boleh didapati dipasaran. Ini adalah hasil pemerhatian penyelidik sekolah masih belum ada kamus tersebut. Pihak sekolah juga sepatutnya mempergiatkan lagi fungsi unit kerjaya supaya berperanan dalam memberi nasihat dan bimbingan kepada pelajar terutama pelajar yang akan menamatkan persekolahan. Bantuan ini amat diperlukan terutamanya pelajar dari kawasan luar bandar, mereka ini sangat bergantung kepada pihak sekolah. Pihak sekolah seharusnya mengambil inisiatif untuk membantu pelajar seperti mengadakan minggu atau hari kerjaya di sekolah. Pelbagai aktiviti boleh diadakan seperti menjemput seseorang daripada mana-mana bidang kerjaya untuk mereka memberi ceramah di sekolah, contohnya seorang doktor atau akauntant

bercakap tentang dunia pekerjaan mereka. Dapatkan kerjasama daripada Jabatan Tenaga Rakyat berhampiran untuk menerangkan pekerjaan-pekerjaan yang ada pada hari ini dan ada kemungkinan nama-nama pekerjaan yang dinyatakan adalah baru kepada pelajar, dan ini meningkatkan pengetahuan tentang kerjaya yang ada pada hari ini.

Kementerian pendidikan juga disarankan supaya dapat menghantar guru-guru mengikuti kursus khas tentang pendidikan kerjaya. Ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada guru kepada bidang pendidikan kerjaya di sekolah. Kementerian seharusnya merangka kursus khas tentang pendidikan kerjaya sama ada di maktab perguruan atau universiti-universiti tempatan. Pendidikan kerjaya perlu didedahkan sejak daripada tingkatan satu lagi, ini supaya keperluan pasaran buruh mengikut keperluan semasa dapat diketahui oleh pelajar. Ini juga memudahkan pihak kerajaan untuk mendedahkan tentang keperluan tenaga manusia pada satu-satu masa. Ini juga dapat membantu pelajar untuk menentukan hala tuju mereka mengikut keperluan semasa dan mereka dapat merancang mata pelajaran yang akan mereka ambil selaras dengan pelaksanaan sijil terbuka peringkat Sijil Persekolahan Malaysia mulai tahun 2000. Oleh itu saya fikirkan pendidikan kerjaya adalah merupakan satu keperluan dalam pendidikan pada hari ini.

Kaunselor merupakan salah satu daripada sumber untuk mendapatkan maklumat tentang pekerjaan. Seharusnya mereka ini diberi pendedahan yang sebanyak-banyaknya tentang pekerjaan-pekerjaan yang

ada pada hari ini. Seharusnya mereka ini sentiasa diberi maklumat yang baru dan lebih luas daripada apa dikelakan oleh ILO sendiri. Dunia pada hari yang berkembang dengan pesat dan sentiasa ada penemuan-penemuan baru sudah tentu lebih banyak tenaga kerja diperlukan. Sehubungan dengan itu Kementerian Pendidikan menyediakan tenaga kaunselor dengan maklumat yang terkini dan mendapatkan kerjasama dengan universiti temapatan untuk melatih kaunselor-kaunselor sekolah supaya mereka mendapat maklumat yang terkini tentang kerjaya yang ada pada hari ini.

Suratkhabar juga seharusnya lebih banyak menyediakan ruang-ruang tentang kerjaya, kerana ia merupakan salah satu sumber yang penting untuk mendapatkan maklumat tentang kerjaya, terutama akhbar yang berbahasa Melayu yang masih belum banyak mempunyai ruang seperti ini. Ini adalah terutama kepada pelajar yang berada di kawasan pedalaman yang perlu kepada maklumat tersebut untuk menambah pengetahuan mereka tentang dunia pekerjaan pada hari ini.

Jabatan Tenaga Rakyat merupakan agensi kerajaan dalam hal ehwal pekerjaan di negara ini seharusnya mempergiatkan lagi pelbagai usaha untuk membantu pelajar yang akan menamatkan persekolahan, terutama di kawasan luar bandar, seperti mengadakan bengkel atau seminar untuk memberi pendedahan awal kepad pelajar, khususnya pelajar tingkatan lima. Mereka seharusnya menjemput syarikat-syarikat swasta melawat ke sekolah-sekolah untuk menerangkan peluang-peluang pekerjaan yang ada di

syarikat-syarikat mereka, serta keperluan yang perlu disediakan oleh pelajar untuk menceburi bidang tersebut.

Sehubungan dengan itu, dapatlah dirumuskan bahawa pengetahuan pelajar tentang kerjaya mestilah diambil berat oleh pihak yang bertanggungjawb. Ini kerana untuk memenuhi tenaga kerja yang diperlukan untuk membangunkan sesebuah negara. Perancangan yang baik akan dapat mengoptimumkan keperluan tenaga kerja dan tidak menimbulkan kesulitan untuk mendapatkan tenaga kerja dalam bidang tertentu yang diperlukan pada waktu itu. Pengetahuan pelajar tentang kerjaya atau dunia pekerjaan yang pada hari akan menolong mereka membuat perancangan sejak dari awal lagi, bidang kerjaya yang bakal akan ceburi nanti.